



**SEKOLAH AMINUDDIN BAKI
JOHOR BAHRU**

(Maklumat Ringkas)





Struktur organisasi unit PKK dan Kelab Kerjaya.




Himpunan brocer




Bilik Komputer ini
dilengkapi dengan
alat pendingin udara.

(4)




(5)

Ahli-ahli kelab sedang menjalani latihan.
Kesemua lapan buah alat komputer kelab ini
didermakan oleh PIBG.



(48)


Guru komputer sedang memberi bimbingan kepada ahli-ahli kelab.




(49)

Ahli lama sedang membimbing ahli-ahli baru.


PENDAFTARAN PELAJAR-PELAJAR BARU 1989



Pelajar-pelajar baru yang menunggu giliran untuk pendaftaran.




Pendaftaran pelajar-pelajar baru di gelanggang permainan yang diusahakan pembinaannya oleh PIBG.




(53)

Guru-guru yang bertugas di hari pendaftaran



(52)

Guru-guru yang bertugas di hari pendaftaran



(54)

Pengetua mengambil kesempatan memberi taklimat mengenai prestasi dan harapan sekolah kepada ibu bapa dan penjaga pelajar-pelajar baru (Ting. Peralihan dan Ting. 1) di hari pendaftaran.



(55)


Ibu bapa dan penjaga yang menghadiri Majlis Taklimat Pengetua di hari pendaftaran murid-murid tingkatan peralihan dan tingkatan 1, 1989.

ORIENTASI PELAJAR-PELAJAR TING. PERALIHAN DAN TING. 1 1989

Program orientasi pelajar-pelajar baru dijalankan setiap tahun. Tujuan utama ialah untuk menyesuaikan pelajar-pelajar baru dengan budaya Sekolah Aminuddin Baki.

Program ini dikendalikan oleh Unit Perkhidmatan Kaunseling dan Kerjaya. Tahun ini 63 orang Kaunselor Rakan Sebaya telah digunakan. Kebanyakan Kaunselor Rakan Sebaya tersebut terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan VI yang telah mengikuti latihan Kaunselor Rakan Sebaya.

Dalam program ini pelajar-pelajar baru didedahkan dengan peraturan sekolah, amalan budi bahasa dan sopan santun, selain dari itu pelajar-pelajar baru ini juga dilatih menyanyikan lagu-lagu kebangsaan, lagu-lagu patriotik, lagu sekolah. Program ini ditutup dengan upacara membaca ikrar oleh pelajar-pelajar baru.




Sebahagian daripada Kaunselor Rakan Sebaya.
Tetap gembira walaupun penat.



(57)

Aktiviti kelompok dalam bilik darjah




(58)

Aktiviti kelompok di luar bilik darjah




(55)

Aktiviti kelompok dijalankan di luar bilik darjah.




(56)

Berdiri sedia untuk nyanyian Lagu Kebangsaan, Lagu Sekolah dan Lagu Patriotik.



(61)

Kedua-dua Kaunselor Rakan Sebaya kelompok ini adalah bekas pelajar SAB (1988). Mereka juga sedia menawarkan khidmat secara sukarela.




(62)

Pengetua sedang menyampaikan pesanan kepada pelajar-pelajar baru di majlis penutup Program Orientasi 1989.



Kaunselor Rakan Sebaya bertugas secara sukarela. Tetapi budi mereka dikenang dengan sekeping sijil penghargaan.




Sebahagian daripada guru-guru yang hadir dalam majlis penutup Program Orientasi.

SEMBAH SALAM MOHON RESTU


Program ini dijalankan tiap-tiap tahun oleh Persatuan Agama Islam Sekolah Aminuddin Baki, Johor Bahru.

Kelompok sasaran program ini ialah pelajar-pelajar tingkatan tiga, lima dan enam atas yang ada potensi untuk lulus tetapi tidak cemerlang. Pemilihan dibuat berdasarkan keputusan peperiksaan akhir tahun tingkatan dua, empat dan enam rendah.

Tujuan utama program ini ialah untuk ketemukan anak-anak dengan ibu bapa masing-masing di dalam satu majlis formal. Dalam majlis tersebut anak-anak berjanji dan mohon doa restu di hadapan ibu bapa masing-masing untuk belajar bersungguh-sungguh supaya lulus peperiksaan yang akan dihadapi. Secara tidak langsung menyedar dan menginsafkan ibu bapa bahawa anaknya akan menghadapi peperiksaan penting dan memerlukan perhatian serta bimbingan yang istimewa.




Pengetua sedang menyampaikan taklimat, pesanan dan harapan kepada ibu bapa sempena majlis tersebut.



(66)

Yang Dipertua PIBG sedang berucap kepada ibu bapa.



(67)

Sebahagian daripada ibu bapa yang hadir



Pelajar-pelajar berjanji kepada
ibu bapa untuk belajar bersungguh-
sungguh sehingga lulus peperiksaan.



Pelajar-pelajar menyembah salam mohon
doa dan restu secara peribadi daripada
ibu bapa masing-masing.





LENCANA SEKOLAH

Lencana merupakan lambang kemegahan sesebuah sekolah. Tiap-tiap sekolah termasuklah Sekolah Aminuddin Baki mempunyai lencananya yang tersendiri yang dapat kita lihat di gambarajah di atas. Ia sentiasa tersemat di baju sekolah pelajar-pelaja sekolah ini.

Lencana berbentuk seperti perisai itu adalah didasarkan atas cogan kata 'Belajar Berilmu Berbakti'. Ini menunjukkan bahawa matlamat utama persekolah ialah untuk mencari ilmu pengetahuan, sekaligus mendisiplinkan diri sesuai dengan etika moral dan tatacara tingkah laku agar ia dapat digunakan baik kepada diri sendiri, masyarakat sekeliling dan negara amnya.

Bentuk perisai adalah melambangkan keteguhan semangat serta keutuhan setiap pelajar dalam usaha menuntut ilmu serta tidak mudah dipengaruhi oleh anasir luar. Warna biru melambangkan suasana sekolah yang sentiasa bersefahaman di antara guru dengan pelajar dan juga semangat muhibah bersatu padu di kalangan setiap pelajar yang terdiri dari berbagai bangsa dan keturunan.

Warna kuning yang melintangi warna biru melambangkan setiap jentera sekolah sentiasa taat setia serta patuh di bawah pemerintahan beraja dan juga pelembagaan negara ini.

Huruf S.A.B yang menguncup ke atas membawa nama Sekolah Aminuddin Baki di mana setiap jentera mempunyai satu tujuan di bawah satu bumbung iaitu di SAB di dalam menuntut ilmu.

Rotor, pokok padi, buku dan jarum melambangkan keempat-empat matapelajaran vokasional yang terdapat di sekolah ini iaitu Sains Pertanian, Seni Perusahaan, Perdagangan dan Sains Rumah Tangga. Ini dapat kita katakan bahwa di sekolah ini bukan sahaja mengajar di dalam bidang akademik tetapi juga bidang kemahiran sejajar dengan perkembangan teknologi moden pada hari ini.

SEJARAH SEKOLAH AMINUDDIN BAKI JOHOR BAHRU
~~~~~

Perasmian sekolah pada:  
25-7-1968

oleh

YB Menteri Pelajaran Malaysia  
EN. MOHD KHIR B. JOHARI

Sekolah ini bermula pada 2-4-1962 dan berdasarkan kepada "SEKOLAH ANEKA JURUSAN" dan dikenali sebagai "SEKOLAH MENENGAH LANJUTAN JOHOR BAHRU". Pada asalnya murid-murid sekolah ini telah menumpang di Maktab Sultan Abu Bakar untuk pelajar lelaki dan di Sekolah Menengah Perempuan Sultan Ibrahim untuk pelajar perempuan.

Pada bulan Januari 1964, bangunan sekolah ini telah siap iaitu di tempat yang ada sekarang iaitu di Jalan Abdul Samad, Johor Bahru. Ia mempunyai dua aliran pengantar iaitu Pengantar Bahasa Malaysia dan Inggeris. Dan setahun berikutnya murid-murid dalam pengantar Bahasa Malaysia telah diserapkan ke Sekolah Menengah Keb. Sultan Ismail, Johor Bahru.

Pada tahun 1965, sekolah ini telah dikenali sebagai "Sekolah Menengah Rendah" dan telah mula menerima murid-murid "Kelas Peralihan".

Pada tahun 1968, sekolah ini telah dinamakan "SEKOLAH MENENGAH AMINUDDIN BAKI" dan telah dirasmikan oleh YB Menteri Pelajaran Malaysia, En. Moh Khir b. Johari pada 25-7-1968.

Pada tahun 1970, Sekolah ini buat kali pertamanya telah menerima 4 kelas pelajar-pelajar Tingkatan 4 dan seterusnya pada tahun 1971 sekolah ini telah menjadi Sekolah Menengah penuh iaitu Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5.

Pada 22-1-1979, Sekolah ini telah mula diperuntukan dengan "Kelas Pendidikan Khas" iaitu menerima pelajar - pelajar cacat pendengaran dan seramai 6 orang pelajar perintis telah mula belajar dalam sebuah kelas Khas dengan guru terlatih yang berkenaan. Keadaan ini berterusan hingga sekarang dan terdapat sebuah kelas bagi setiap tingkatan 1, 2 dan 3.

Pada tahun 1980, Sekolah ini telah menjadi Sekolah Menengah Kebangsaan sepenuhnya dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5.

Pada 1-6-1987 Sekolah ini telah mula menerima seramai 75 orang pelajar yang ditempatkan di Tingkatan Enam bukan sahaja dari pelajar-pelajar sekolah ini tetapi juga dari pelajar-pelajar berhampiran. Mereka mula menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia pada tahun 1988.

# MOTTO SEKOLAH

\*\*\*\*\*

BELAJAR MENJUJU MERCU KEJAYAAN  
BERILMU BERIHAAN UNTUK KEBAHAGIAAN  
BERBAKTI KEPADA SEKOLAH, AGAMA,  
BANGSA DAN NEGARA

## FALASAFAH SEKOLAH AMINUDDIN BAKI

---

1. Sesungguhnya semua guru di Sekolah Menengah Aminuddin Baki mempunyai keupayaan dan kebolehan untuk memberikan pendidikan yang cekap, bermutu tinggi dan berkesan kepada semua murid.
2. Sesungguhnya semua murid di Sekolah ini mempunyai kebolehan dan potensi masing-masing yang boleh diperkembangkan dari segi inteleknya oleh guru dengan pendekatan pengajaran yang sesuai dengan kehendak murid yang berlainan latar belakang dan kemampuan.
3. Sesungguhnya hasil akhir persekolahan yang hendak dicapai ialah individu yang berpendidikan dan berbakti kepada negara dan bangsa.
4. Sesungguhnya apa yang kita laksanakan ini selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, Rukunegara dan Dasar Pendidikan Negara.

## Lagu Sekolah

\*\*\*\*\*

*Sekolah Aminuddin Baki,  
Sekolah yang sangat ku cinta,  
Engkaulah pengasas kami,  
Menuju hidup bahagia.  
Pada guru kami bersatu,  
Sedia menaburi ilmu,  
Sehingga kami berjaya,  
Menuju ke Menara Gading.  
Kami 'kan berikrar,  
Tunai amanat Ibubapa,  
Kami 'kan belajar,  
Untuk jadi rakyat berguna.  
Pada Rukunegara,  
Kami tetap setia,  
Khidmat bakti guru semua,  
Kami sanjung selamanya.  
Pada 'Bu pertiwi,  
Kami tetapkan berbakti.  
Sekolah Aminuddin Baki,  
Sekolah yang sangat ku cinta,  
Engkaulah pengasas kami,  
Menuju hidup bahagia.*

LAGU SEKOLAH

**"BELAJAR, BERILMU, BERBAKTI"**

Rentak March.

♩ = 120

Lagu Ciptaan:—  
AHMAD HASHIM,  
Senikata:—  
HAIRUL YAZID.

The musical score consists of ten staves of music. The first staff starts with a G7 chord. The lyrics begin with "Se-ko - lah A-mi-nu-din Ba - ki," followed by "Se-ko - lah yg sangat ku cin - ta," and "Eng-kau - lah pengasas ka - mi." The second staff continues with "gia; Pa - da gu - ru ka - mi ber - se - ru," and "Se - di - a me - na - bu - ri il - mu." The third staff includes "Se - hing - ga ka - mi ber - ja - ya," and "Me - nu - ju ke Me - na - ra Ga - ding." The fourth staff has "Ka - mi 'kan ber - ik - rar, Tu - nat a - ma - nat l - bu - ba - pa," and "Ka - mi 'kan be - la - jar, Un - tuk ja - di rakyat ber - gu - na." The fifth staff contains "Pa - da Ru - ku - ne ga - ra, Ka - mi te - tap sc - ti - a, Khid - mat bak - ti gu - ru se - mu - a, Ka - mi san - jong se - la - ma - nya, Pa - da Bu - per - ti - wi, Ka - mi te - tap - kan ber - bak - ti, Se - ko - lah A - mi - nu - din Ba - ki, Se - ko - lah yg sangat ku cin - ta, Eng - kau - lah peng - a - sas ka - mi, Me - nu - ju hi - dup ba - ha - gi -

FINE.

BEKAS PENGETUA S.A.B

~~~~~

1. EN. GOH TIENG HUAT,
Pengetua SAB dari
1-4-1962 hingga 30-4-1973



Beliau seorang pengetua yang dihormati dan telah berkhidmat dengan penuh dedikasi selama sebelas tahun. Beliau telah meletakkan dasar kepada pertumbuhan dan perkembangan sekolah ini. Kini beliau telah bersara daripada perkhidmatan pelajaran.

2. EN. NORDIN B. AHMAD
Pengetua SAB dari
1-5-1973 hingga 30-6-1982



Beliau telah memperkuatkuhan dan memajukan sekolah ini, sepanjang sembilan tahun khidmatnya di sekolah ini. Beliau kemudiannya dinaikkan pangkat, menjawat tugas sebagai Pegawai Pelajaran Daerah, Johor Bahru mulai 1-6-1982.

3. EN. SAHBAN B. MUKSAN
Pengetua SAB dari
1-7-1982 hingga 30-6-1987.



4. EN. ONG TIAW CHING
Pemangku Pengetua SAB dari
1-7-1987 hingga 31-1-1988



5. EN. ABDUL WAHID B. ABDUL RAHMAN
Pengetua SAB dari
1-2-1988 hingga sekarang.




SEKOLAH AMINUDDIN BAKI JOHOR BAHRU
~~~~~

Bilangan Murid Tahun 1962-1989  
~~~~~

Tahun	Bilangan Murid
1962	246
1963	437
1964	642
1965	1004
1966	946
1967	980
1968	1253
1969	1083
1970	1205
1971	1367
1972	1270
1973	1436
1974	1396
1975	1555
1976	1673
1977	1695
1978	1855
1979	1715
1980	1837
1981	1861
1982	1995
1983	1896
1984	1669
1985	1637
1986	1579
1987	1698
1988	1818
1989	1811

SEKOLAH AMINUDDIN BAKI JOHOR BAHRU

BILANGAN MURID 1962-89





(1)

Papan nama
Sekolah Menengah
Aminuddin Baki,
Johor Bahru yang
telah dibina
semenjak sekolah
ini dibuka pada
tahun 1962.



(2)


Pintu utama masuk ke Sekolah Men. Aminuddin Baki,
Johor Bahru.



Blok A : Di mana terdapatnya Pepustakaan, Pusat Sumber, Bilik Lukisan, Bilik SPBT dan Bilik Darjah.




Blok B : Bangunan utama yang menempatkan Pejabat Pentadbiran, Bilik Guru, Kedai Koperasi Bilik Komputer, Bilik Kaunseling dan Bilik Darjah.




(5)

Blok A : Pandangan dari jarak jauh




(6)

Blok C : Di bangunan ini terdapat Bilik HEM,
Bilik Lembaga Pengawas dan Bilik Darjah.
Bilik-bilik darjah di bahagian bawah
boleh diubahsuai menjadi dewan.




Bengkel Seni Perusahaan

(7)




Beberapa bilik khas

(8)



Surau - Pembinaannya telah diusahakan oleh
PIBG.

(10)


Padang Sekolah ini boleh memuatkan sebuah padang
bola sepak, sebuah padang hoki dan belapan olahraga
200 meter.

KECERIAAN

Keceriaan dan kebersihan diberi perhatian utama oleh pihak pentadbir. Setiap sudut kosong di keliling bangunan sekolah dihias seberapa cantik dengan jambangan-jambangan bunga yang beraneka jenis dan berbagai warna. Persediaan asas dikelolakan oleh pekerja-pekerja sekolah manakala penyelenggaraan seterusnya diusahakan oleh murid-murid dan persatuan-persatuan.


Keadaan sekolah yang bersih dan cantik pasti akan mewujudkan suasana yang selesa kepada murid-murid, guru-guru dan pelawat-pelawat yang berkunjung ke sekolah ini.

Di samping itu kata-kata hikmat juga digunakan untuk menghias tembok-tebok bangunan yang strategi supaya dapat dihayati oleh murid-murid.




(11)

Pintu masuk utama



RUKUNEGARA

(14)




(13)

BERBANGGALAH DENGAN NEGARA SENDIRI



Moto Sekolah Aminuddin Baki, J. Bahru





(16)

Kempen 'Cintailah Bahasa Kita'




Pokok-pokok menghijau
menyejukkan pandangan.


(17)



Taman bunga di hadapan surau



Pokok pisang perhiasan di sisi pejabat pengetua



(20)

Sains Pertanian - Batas-batas yang telah siap untuk ditanam dengan berbagai-jagai jenis sayur-sayuran.




(21)

Sains Pertanian - Tapak semaihan pokok bunga yang juga berfungsi sebagai taman sains.




(22)

Sains Pertanian - Pandangan tapak semaian pokok bunga dari sudut yang lain.
Bangunan yang kelihatan adalah Makmal Sains.




(23)

Sains Pertanian * Tapak semaian pokok bunga dari sudut lain.




Aktiviti pembelajaran sedang berjalan




(25)

Aktiviti pembelajaran sedang berjalan




(26)

Aktiviti pembelajaran sedang berjalan




(27)


Aktiviti pembelajaran sedang berjalan



Suasana pertukaran waktu



Latihan bola tampar sedang berjalan



Aktiviti sedang dijalankan di padang



Aktiviti sedang dijalankan di padang

SUASANA DI KANTIN WAKTU REHAT




Murid-murid mesti beratur semasa membeli makanan.




Di sini juga murid-murid perlu beratur



Di sini juga perlu beratur




Tidak boleh berjalan-jalan waktu makan



(36)


Sudah menjadi kelaziman jika tidak balik kerana ada kegiatan ko-kurikulum, pelajar-pelajar akan berjemaah zohor sesama mereka.



(37)


Doa memang tidak tinggal

PAPAN KENYATAAN




(38)

Kantin adalah tempat yang paling sesuai untuk papan kenyataan.




(39)

Segala maklumat di papan kenyataan ini mesti ditukar seminggu sekali.



Maklumat kesihatan dan amalan makanan dan pemakanan juga turut dipamirkan di sudut khas.




Kos papan kenyataan dibiayai oleh persatuan sendiri.



Unit Perkhidmatan
Kaunseling dan Kerjaya
kian popular di kalangan
pelajar-pelajar.
Menyediakan berbagai-
bagai maklumat untuk
memperkembangkan
peribadi pelajar-pelajar.

(42)



(43)

Berbagai-bagai jenis maklumat disediakan